

## Perbandingan Penggunaan Kohesi Jenis Perulangan dalam Penulisan Karangan Murid Tingkatan 4: Satu Analisis Keperluan

*(Comparison of the Use of Repetition Type Cohesion in Form 4 Student Essay Writing: A Needs Analysis)*

Nor Akma Mat Nawi<sup>1</sup>, Dahlia Janan<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: norakmamatnawi@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: dahlia@fbk.upsi.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Dahlia Janan  
(dahlia@fbk.upsi.edu.my)

### KATA KUNCI:

Kohesi perulangan  
Karangan  
Kemahiran menulis  
Analisis keperluan

### KEYWORDS:

Repetition cohesion  
Essay  
Writing skills  
Needs analysis

### CITATION:

Nor Akma Mat Nawi, & Dahlia Janan. (2024). Perbandingan Penggunaan Kohesi Jenis Perulangan dalam Penulisan Karangan Murid Tingkatan 4: Satu Analisis Keperluan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), e002841. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2841>

### ABSTRAK

Kohesi perulangan merupakan kohesi jenis leksikal berfungsi sebagai alat pertautan antara kata, frasa dan ayat yang terdiri daripada perulangan sama, sama maksud dan rujukan. Kohesi jenis ini merupakan salah satu elemen dalam aspek kemahiran menulis terutamanya karangan bagi meningkatkan kualiti wacana yang baik. Kajian ini merupakan analisis keperluan dalam fasa satu reka bentuk kajian *Design and Development Research* (DDR). Tujuan kajian analisis keperluan ini dilaksanakan adalah bagi melihat kekerapan perulangan sama, sama maksud dan rujukan antara perkataan kata kunci soalan dengan binaan karangan. Kajian dilakukan secara kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen melibatkan 200 buah penulisan karangan murid, iaitu, 100 buah karangan jenis ekspositori dan 100 buah karangan jenis argumentasi. Pemilihan sampel adalah secara persampelan bertujuan di dua buah sekolah menengah harian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Data temu bual dianalisis menggunakan perisian Antconc Versi 4.1.0 bagi melihat kekerapan kohesi perulangan antara perkataan kata kunci soalan dengan binaan karangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kohesi perulangan antara perkataan kata kunci soalan dengan binaan karangan paling tinggi ialah perulangan sama, sebanyak 5056 kali, kedua perulangan rujukan sebanyak 2282 kali dan paling rendah perulangan sama maksud sebanyak 203 kali. Oleh itu, pemberatan haruslah diberikan kepada kohesi jenis perulangan sama maksud yang paling sedikit diaplikasikan oleh murid dalam penulisan karangan agar mereka dapat menyeimbangkan penggunaan jenis kohesi dalam binaan karangan mereka.

### ABSTRACT

Repetitive cohesion is a lexical type of cohesion that functions as a linking tool between words, phrases and sentences consisting of the same repetition, same meaning and reference. This type of cohesion is one of the elements in the aspect of writing skills, especially essays to improve the quality of good discourse. This study is a requirements analysis in phase one of the Design and Development Research (DDR) study. The purpose of this needs analysis study is to see the frequency of the same repetition, the same meaning and reference between the keywords of the question and the structure of the essay. The study was conducted qualitatively using the document analysis method involving 200 student essays, that is, 100 expository essays and 100 argumentative essays. The sample selection was by purposive sampling in two daily secondary schools in the Federal Territory of Kuala Lumpur. The interview data was analyzed using Antconc Version 4.1.0 software to see the frequency of repeated cohesion between the question's keyword and the essay's construction. The findings of the study show that the cohesion of the repetition between the keywords of the question with the construction of the essay is the highest repetition of the same, as many as 5056 times, the second repetition of reference as many as 2282 times and the lowest repetition of the same meaning as many as 203 times. Therefore, weighting should be given to the cohesion of the repetition of the same meaning that is applied the least by students in writing essays so that they can balance the use of cohesion in the construction of their essays.

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini adalah mendapati bahawa penggunaan kohesi perulangan sama maksud perlulah diperbanyakkan dalam penulisan karangan murid agar dapat menyeimbangi penggunaan kohesi perulangan yang lain.

## 1. Pengenalan

Kohesi perulangan merupakan jenis kohesi yang paling banyak digunakan dalam penulisan karangan murid berdasarkan dapatan kajian lalu seperti kajian oleh [Hublová \(2017\)](#), [Amaechi dan Edwin \(2019\)](#) serta [Basuki et al., \(2019\)](#). Menurut Amaechi & Edwin (2019), kohesi perulangan hendaklah digunakan secara meluas dalam penulisan karangan bagi meningkatkan kualiti penulisan yang dihasilkan oleh murid. Hal ini demikian kerana penggunaannya dalam penulisan karangan berkesan menautkan kata, frasa dan ayat dalam mewujudkan kesinambungan agar mesej penulisan dapat disampaikan dengan jelas kepada pembaca ([Klarer, 1999](#); [Gutkind, 2012](#); [Vargas et al., 2020](#)).

Selain itu, penyampaian mesej dalam penulisan karangan menggunakan kohesi perulangan lebih jelas kerana dapat memberikan penegasan yang lebih mudah difahami oleh pembaca. Perkara ini turut dinyatakan oleh [Zia Hisni \(2019\)](#) dan [Vivi Yulia Pratiwi et al., \(2019\)](#), iaitu, perulangan yang melibatkan proses mengulang kembali kata, frasa dan ayat penting untuk menegaskan sesuatu penyampaian agar lebih berkesan serta difahami. Walaupun terdapat isu yang menyatakan bahawa perulangan mungkin

membosankan pembaca namun terdapat pelbagai alat dalam kohesi jenis ini dalam mengelakkannya seperti penggunaan antonim dan sinonim (Zamri & Abdull Shukor, 2009; Fatimah & Yunus, 2014; Amaechi & Edwin, 2019).

### 1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi keperluan penyelidik mendapatkan data untuk menghasilkan Modul *Prigel* Kohesi. Fasa analisis keperluan merupakan fasa pertama dalam kajian reka bentuk dan pembangunan bertujuan untuk mengenal pasti asas keperluan pembangunan sesuatu produk (Saedah Siraj et al. 2020), iaitu, reka bentuk modul (Krishnan et al., 2021; Mohd Ridzuan et al., 2021).

Berikut merupakan objektif kajian fasa analisis keperluan:

- i. Melihat kekerapan perulangan sama, sama maksud dan rujukan antara perkataan kata kunci soalan dengan binaan karangan.

Berdasarkan objektif kajian, penyelidikan ini juga bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan berikut:

- i. Apakah kekerapan perulangan sama, sama maksud dan rujukan antara perkataan kata kunci soalan dengan binaan karangan?

### 1.2. Permasalahan Kajian

Terdapat kelompongan dalam kajian kohesi penulisan terdahulu seperti kajian dalam negara yang dirujuk, iaitu, Nurmasitah dan Jama'yah (2015), Nurmasitah (2016), Ramli (2017) dan Norfaizah (2019). Kajian luar negara yang dirujuk ialah Crossley et al. (2016), Veda (2017), Masadeh (2019), Basuki et al., (2019), Yuliani Trisnaningrum et al., (2019), Amaechi dan Edwin (2019), Stambouli & Belmekki (2019) serta Vargas et al. (2020). Kelompongan ini kerana kohesi tidak dimulakan dengan mengambil kira kata kunci soalan sebagai asas dalam membuat pertautan antara ayat dengan ayat dalam menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti dalam kajian lalu. Hal ini demikian kerana untuk memulakan proses menulis karangan seseorang penulis haruslah merujuk kepada kata kunci dalam soalan atau pemikiran sebagai stimulus kepada penulisan yang akan dihasilkan. Menurut Mu-hsuan (2012), rujukan terhadap kata kunci penting sebagai panduan meningkatkan proses penulisan yang berkualiti dan rumusan kajian yang beliau jalankan menunjukkan kata kunci membantu meningkatkan penguasaan menulis rumusan murid. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian linguistik oleh Araujo et al., (2019) dan Youcheng Pan et al., (2020), iaitu, rujukan terhadap kata kunci penting sebagai stimulus dalam proses pengembangan isi dalam teks yang dihasilkan untuk menghasilkan penulisan berkualiti. Proses mengenal pasti kata kunci perlu mengambil kira murid bukan penutur natif yang mengalami kesukaran dalam pembelajaran bahasa (Dahlia et al., 2024).

Dalam konteks pengajaran penulisan karangan di sekolah perkara ini turut dinyatakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (2020) dalam Laporan Kupasan Mata Pelajaran Bahasa Melayu SPM Kertas 1, Bahagian A kod kertas 1103/1 dalam saranan kepada calon syarat ke-8, iaitu, penekanan kepada stimulus atau rangsangan merupakan perkara yang perlu dititiberatkan dalam menjawab tugas mengikut kehendak yang sebenar. Dalam konteks penulisan karangan di sekolah, stimulus ini merupakan kata kunci yang terdapat dalam soalan yang dikemukakan dan pemahaman terhadap aspek ini sangat penting dalam menyelesaikan masalah tugas murid dengan langkah yang lebih

teratur dan sistematik (Brill & Yarden, 2003; Zamnah et al., 2021). Perkara ini menunjukkan pentingnya kesepaduan idea antara kehendak soalan dengan tugas yang akan dihasilkan bagi menjamin kualiti hasil yang lebih baik. Perkara ini turut dinyatakan oleh Javadi dan Gebauer (2019), kesepaduan idea merupakan gabungan antara dua atau lebih bermula daripada dorongan ataupun stimulus penting dalam menghasilkan hala tuju sesuatu tugas.


Oleh itu, penyelidik melihat terdapat ruang untuk memperluaskan lagi kajian mengenai kohesi dalam penulisan karangan murid. Penyelidik berpandangan kata kunci soalan ataupun idea yang terdapat di dalamnya haruslah dititikberatkan sebelum membuat idea pertautan ayat demi ayat semasa menulis karangan. Situasi ini menunjukkan perlunya kesepaduan idea antara kata kunci soalan dengan proses menulis dalam menghasilkan karangan yang mempunyai kohesi yang baik. Menurut Zulfiqar (2019), kajian kohesi yang melibatkan hubungan dalam tekstur (merujuk kepada soalan dan binaan karangan) dapat menghasilkan penemuan yang baharu dalam penyelidikan. Perkara ini turut diperkatakan oleh Usoro (2020), iaitu, kesepaduan idea antara soalan dan binaan isi karangan haruslah dititikberatkan dalam menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Pemilihan Model Kohesi Perulangan

Dalam kajian ini penyelidik memilih menggunakan istilah kohesi jenis perulangan Model Pengajaran Unsur Tautan (MPUT) oleh Zamri dan Abdull Sukor (2009) berbanding Model Halliday dan Hassan (1976) serta Model Tautan Pindaan (MTP) Sanat (2002). Perincian ini dijelaskan melalui Rajah 1.

Rajah 1: Hubungan Model Kohesi antara Model Halliday dan Hassan (1976), MTP Sanat (2002) dan MPUT Zamri dan Abdull Shukor (2009)



Merujuk kepada [Rajah 1](#), kohesi perulangan dalam MTP [Sanat \(2002\)](#) pada asasnya adalah merujuk kepada Model [Halliday dan Hassan \(1976\)](#) sebelum membuat pindaan. Hal ini demikian kerana menurut [Sanat \(2002\)](#), Model [Halliday dan Hassan \(1976\)](#) wajar dijadikan rujukan kohesi kerana mereka merupakan sarjana ulung dalam bidang ini. Perulangan rujukan dan penggantian dalam model ini merujuk kepada perulangan kata sama dalam Model [Halliday dan Hassan \(1976\)](#). Seterusnya, perulangan elipsis, leksikal, parafrasa serta struktur dan makna sama adalah merujuk kepada perulangan sinonim atau hampir sinonim, superordinat dan kata umum dalam Model [Halliday dan Hassan \(1976\)](#). Terdapat satu tambahan dalam model ini, iaitu, perulangan paralelisme yang tidak dinyatakan dalam Model [Halliday dan Hassan \(1976\)](#).

Seterusnya, kohesi perulangan MPUT [Zamri dan Abdull Sukor \(2009\)](#) merujuk MTP [Sanat \(2002\)](#) sebelum membuat pindaan. Perulangan sama dan sama maksud merujuk kepada perulangan leksikal, parafrasa, paralelisme serta struktur dan makna sama dalam MTP [Sanat \(2002\)](#). Seterusnya, perulangan rujukan pula merujuk perulangan rujukan dan penggantian dalam MTP [Sanat \(2002\)](#). Walau bagaimanapun, perulangan elipsis tidak dimasukkan dalam MPUT [Zamri dan Abdull Sukor \(2009\)](#) kerana penggunaan perulangan ini tidak banyak digunakan oleh murid dalam penulisan karangan di sekolah ([Zamri & Abdull Sukor, 2009](#)).

Secara keseluruhannya, kohesi perulangan MTP [Sanat \(2002\)](#) dan MPUT [Zamri dan Abdull Sukor \(2009\)](#) berasaskan kepada Model [Halliday dan Hassan \(1976\)](#). Pengkaji mendapati penggunaan istilah jenis kohesi dipermudahkan dalam kedua-dua model mengikut konteks negara sendiri agar mudah difahami oleh pengguna. Oleh itu, pengkaji memilih menggunakan jenis kohesi perulangan dalam MPUT [Zamri dan Abdull Sukor \(2009\)](#) kerana istilahnya mudah difahami oleh murid dan tidak membebankan mereka dengan istilah linguistik yang sukar difahami. Hal ini demikian kerana penggunaan istilah yang mudah dalam pengajaran dapat meningkatkan pemahaman mendalam murid dalam sesuatu topik ([Nordin & Yunus, 2021](#); [Rozita Yune et al., 2022](#)).

### 3. Metod Kajian

Kajian Reka bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh [Richey dan Klein \(2007\)](#) digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul kohesi perulangan dalam penulisan karangan murid tingkatan empat.

Dalam kajian ini, analisis keperluan adalah fasa pertama dalam DDR, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen, iaitu, 200 buah karangan, melibatkan 100 buah karangan jenis ekspositori daripada sampel kajian Sekolah A dan 100 buah karangan argumentatif daripada sampel kajian Sekolah B. 200 sampel kajian ini merupakan murid tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah harian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### 3.1. Analisis Data

Analisis data dokumen penulisan karangan sampel kajian menggunakan perisian *Antconc Versi 4.1.0*. Perisian ini dimuat turun secara percuma dalam talian di alamat <https://www.laurenceanthony.net/software/antconc/>. Pemilihan perisian ini kerana penyelidik ingin melihat kekerapan perkataan dalam teks dan perkara ini bertepatan dengan alat (*tool*) yang terdapat dalam perisian ini, iaitu senarai kata (*Word List*). Hal ini demikian kerana alat ini mampu menjumlahkan perkataan dalam korpus dan membantu



mencari kekerapan sesuatu perkataan dengan cepat dalam teks (Shamova, 2021). Terdapat beberapa kajian lalu seperti yang telah dijalankan oleh Isti'annah et al., (2020) dan Junina (2022) menggunakan perisian *AntConc* bagi melihat kekerapan perkataan untuk tujuan menyelidik jenis koheisi dalam teks.

Jadual 1 menunjukkan contoh paparan carian kekerapan kata koheisi perulangan sama, sama maksud dan rujukan bagi karangan argumentasi dan ekspositori.



Jadual 1: Proses Carian Kekerapan Kata (*Wordlist*) Menggunakan Perisian Atlas.ti 9.

<b>Jenis Perulangan</b>	<b>Paparan Kekerapan Senarai Kata (<i>Wordlist</i>) Karangan Argumentasi</b>	<b>Paparan Kekerapan Senarai Kata (<i>Wordlist</i>) Karangan Ekspositori</b>
-------------------------	--	--



Perulangan Sama



Perulangan Sama Maksud



Perulangan Rujukan






Berdasarkan [Jadual 1](#), proses pertama yang dilakukan pada karangan jenis argumentasi, iaitu, sebanyak 100 dokumen penulisan. Carian kekerapan kata aspek kohesi jenis perulangan sama dilakukan, diikuti perulangan sama maksud dan rujukan. Seterusnya, proses kedua dilakukan pada karangan jenis ekspositori, iaitu, sebanyak 100 dokumen penulisan. Carian kekerapan kata aspek kohesi jenis perulangan sama dilakukan, diikuti perulangan sama maksud dan rujukan. Hasil carian ini dianalisis secara perbandingan dalam bentuk jadual dan graf untuk melihat kekerapan penggunaan kata kohesi jenis perulangan sama, sama maksud dan rujukan bagi tujuan fasa dua, reka bentuk dan pembangunan.

#### 4. Hasil Kajian

Berdasarkan analisis data yang dilakukan, hasil kekerapan perbandingan kekerapan kohesi perulangan perkataan kata kunci soalan dengan binaan karangan ditunjukkan dalam bentuk graf bagi memudahkan perbandingan seperti [Rajah 2](#).

Rajah 2: Perbandingan Kekerapan Kohesi Perulangan



Melalui graf ini, jelas menunjukkan bahawa kohesi jenis perulangan sama berdasarkan kata daripada kata kunci soalan menunjukkan kekerapan penggunaan paling tinggi dalam penulisan karangan dibandingkan dengan kohesi perulangan sama maksud dan rujukan, iaitu, sebanyak 5056 kali. Penggunaannya dalam penulisan karangan argumentasi lebih tinggi kekerapannya, iaitu, 2674 kali berbanding karangan ekspositori 2382 kali dengan perbezaan sebanyak 292 kali.

Seterusnya, kohesi perulangan rujukan kata dan frasa daripada kata kunci kehendak soalan menunjukkan kekerapan kedua tertinggi penggunaannya dalam kedua-dua jenis penulisan karangan, iaitu, sebanyak 2282 kali. Kekerapan penggunaannya dalam karangan jenis argumentasi lebih tinggi, iaitu, 1222 kali berbanding karangan ekspositori, iaitu, 1060 kali dengan perbezaan 74 kali.

Seterusnya, kekerapan penggunaan kohesi perulangan sama maksud berdasarkan kata dan frasa daripada kata kunci soalan paling rendah penggunaannya dalam karangan jenis

argumentasi dan ekspositori, iaitu, sebanyak 203 kali. Kekekapan penggunaannya dalam karangan ekspositori lebih tinggi, iaitu, 134 kali berbanding argumentasi 69 kali dengan perbezaan 65 kali.

Data ini menunjukkan bahawa kohesi perulangan sama paling banyak digunakan dalam penulisan karangan murid. Kohesi perulangan rujukan pula kedua tertinggi digunakan dan paling sedikit ialah kohesi perulangan sama maksud.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam penulisan karangan perulangan perkataan kata kunci kehendak soalan dengan binaan karangan, murid lebih banyak menggunakan perulangan sama berbanding sama maksud dan rujukan. Perulangan sama maksud pula merupakan perulangan paling sedikit digunakan bagi murid membuat pertautan perkataan kata kunci soalan dengan binaan karangan.

Perkara ini berlaku kerana kohesi perulangan sama maksud merupakan antara kohesi yang agak sukar bagi murid kerana kesukaran untuk mencari perkataan yang seerti bagi sesuatu kata, frasa atau ayat. Perkara ini selari dengan pandangan Enas (2020) kerana dapatan kajian beliau menunjukkan perulangan sama paling rendah, iaitu, 10% penggunaannya berbanding perulangan yang lain.

Oleh itu, dalam penghasilan modul, model, bahan bantu mengajar dan pedagogi berkaitan kemahiran menulis karangan kohesi perulangan adalah wajar pemberatan penekanannya diberikan kepada perulangan sama maksud. Perkara ini penting bagi menyeimbangkan penggunaan kohesi perulangan dalam penulisan murid agar pengolahan mereka mempunyai pertautan yang jelas dan matang.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (RIMCUPSI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini menerima tajaan dan bantuan kewangan daripada pihak KPM (HLPPHDCBBP) dan UPSI.

## **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.



## Rujukan

- Amaechi, U. E., & Edwin, C. (2019). Lexical cohesion in non-fictional narrative as discourse: A study of Ngugi Wa Thiong'O's Decolonizing the Mind. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 7(3), 83-90.
- Araujo, D., Rigo, S. J., Schmitt, B. K. & Hentges, A. (2019). A linguistic approach to short sentences keywords identification for a question answering system. *International Journal of Web Engineering and Technology*, 14(4), 367-382.
- Basuki, R. S., Andayani & Sahid, T. W. (2019). Cohesion and coherence of narrative essays of Madagascar students of Indonesian Language for Foreign Speakers (BIPA) at UPTP2B Sebelas Maret University. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 2(1), 136-142.
- Brill, G. & Yarden, A. (2003). Learning Biology through research papers: A stimulus for question-asking by high-school students. *Cell Biology Education*, 2(4), 266-274.
- Crossley, S. A., Rose, D. F., Danekes, C., Rose, C. W. & McNamara, D. S. (2016). That noun phrase may be beneficial and this may not be: Discourse cohesion in reading and writing. *Springer Science+Business Media Dordrecht*, 30(1), 569-589.
- Dahlia Janan, Mohammad Hafiz Mohammad Tarmizi, Punaji Setyosari, Norliza Jamaluddin, Siti Saniah Abu Bakar & Lin, C. Y. (2024). Model Of Teaching Malay Language To Non-Native And Foreign Speaker. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1), 1-38.
- Enas, A. E. R. (2020). EFL Students' Coherence Skill in Writing: A Case Study of Third Year Students of Bachelors in English Language. *English Language Teaching*, 13(8), 120-126.
- Fatimah, S. N. & Yunus, M. M. (2014). The use of lexical cohesion among TESL postgraduate students in academic writing. *Journal of Education and Human Development*, 3(2), 847-869.
- Gutkind, L. (2012). *You can't make this stuff up: The complete guide to writing creative non-fiction: from memoir to literary Journalism and everything in between*. USA: Da Capo Press.
- Halliday, M. A. K. & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hublová, G. (2017). Reiteration relations in EFL student academic writing and the effects of online learning. *Discourse and Interaction*, 10(1), 71-89.
- Isti'anah, A., Putri, S. P., & Permata, A. G. (2020). Cohesion in journal articles on applied linguistics: the case of conjunction "thus." *Journal of Applied Studies in Language*, 4(1), 68-78.
- Javadi, E. & Gebauer, J. (2019). An experimental study of the attention-based view of idea integration: The need for a multi-level dependent variable. *Journal Of Information Technology Theory and Application*, 20(1), 1-27.
- Junina, A. K. (2022). Grammatical Cohesion in Argumentative Essays by International EAP Learners in New Zealand. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*, 5(2), 98-108.
- Klarer, M. (1999). *An Introduction to Literary Studies*. London and New York: Routledge.
- Krishnan, S. D., Norman, H., & Yunus, M. (2021). Online gamified learning to enhance teachers' competencies using Classcraft. *Sustainability*, 13(19), 10817.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2020). *Laporan kupasan mata pelajaran bahasa Melayu Kertas 1 Sijil Pelajaran Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Masadeh, T. S. (2019). Cohesion and coherence in the writings of Saudi Undergraduates Majoring in English. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(3), 200-208.

- Mohd Ridzuan Padzil, Aidah Abd Karim & Hazrati Husnin. (2021). Employing DDR to Design and Develop a Flipped Classroom and Project based Learning Module to Applying Design Thinking in Design and Technology. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications (IJACSA)*, 12(9), 791-798.
- Mu-hsuan, C. (2012). Implementing keyword and question generation approaches in teaching EFL summary writing. *English Language Teaching*, 5(12), 36-41.
- Nordin, S., & Yunus, K. (2021). Modelling teachers' behaviour in ICT usage. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 984-994
- Norfaizah Abdul Jobar. (2019). Analisis tekstual dalam penulisan karangan murid bahasa kedua. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (26), 93-103.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). Kohesi gramatikal penghubung dalam karangan berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 3(1), 101-113.
- Nurmasitah Mat Hassan. (2016). *Kohesi dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar di sebuah universiti awam* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Ramli Yaacob. (2017). *Kesan pengajaran terancang kohesi nahuan konjungsi dalam penulisan karangan bahasa Melayu* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Richey, R. C. & Klien, J.D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issue*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publisher.
- Rozita Mohamad Yuneh, Rahim Aman & Shahidi A.H (2022). Model Pengajaran Unsur Tautan (2009) dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Trend, Elemen dan Faedah. *Jurnal Melayu*, 21(1), 42-58.
- Sanat Md Nasir. (2002). *Tautan dalam wacana bahasa Melayu akhbar*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saedah Siraj, Muhd Ridhuan Tony Lim Abdullah & Rozaini Muhd Rozkee. (2020). *Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan: Aplikasi kepada penyelidikan Pendidikan*. Tanjong Malim: Nur Niaga Sdn. Bhd.
- Shamova, N. (2021). A Comparative-Contrastive Analysis of Corpus Tools (Case Study: Working with Corpora of Cinematic Discourse). *Nizhny Novgorod Linguistics University Bulletin*, 1(53), 82-95.
- Stambouli, M., & Belmekki, A. (2019). A proposed metacognitive-based approach to promoting EFL cohesion and coherence in essay writing of Algerian Master students. In Hidri S. (eds) *English Language Teaching Research in the Middle East and North Africa* (95-111).
- Usoro, M. O. (2020). Qualities of a good essay: An assessment of the writings of Nigerian undergraduates. *International Journal on Integrated Education*, 3(4), 82-88.
- Vargas, A. L. R., Quesada, A. P. S., Vásquez, J. M. V. & Rojas, A. J. (2020). Consciousness-raising tasks for the mediation of text structure, cohesion, and coherence in essay writing. *Revista Actualidades Investigativas en Educación*, 20(2), 1-27.
- Veda, A. Y. (2017). The role of composing process and coherence/cohesion in FFL writing. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 13(1), 336-351.
- Vivi Yulia Pratiwi, Yeni Dwi Jayanti & Isry Laila Syathroh. (2019). An analysis of lexical cohesion found in "Never Say Never" song lyrics. *Professional Journal of English Education*, 2(3), 376-383.
- Youcheng Pan, Baotian Hu, Qingcai Chen, Yang Xiang & Xiaolong Wang. (2020). Learning to generate diverse questions from keywords. *IEEE International Conference on Acoustics, Speech and Signal Processing (ICASSP)*. 4-8 Mei. Barcelona, 8224-8228.

- Yuliani Trisnaningrum, Alek & Didin Nuruddin Hidayat. (2019). Discourse analysis of grammatical cohesion devices in college students' academic essays writing. *Indonesian Journal of English Education*, 6(1), 79-90.
- Zamnah, L. N., Zaenuri, Wardono & Sukestiyarno. (2021). Make questions as a stimulus for students to help them carry out their Polya's step in solving problems. *Journal of Physics: Conference Series*, 1918, 1-4. Doi:10.1088/1742-6596/1918/4/042099.
- Zamri Salleh & Abdull Sukor Shaari. (2009). Kesan Model Unsur Tautan terhadap pengajaran karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 55-78.
- Zia Hisni Mubarak. (2019). The analysis of repetition as part of lexical cohesion in talk shows. *Jurnal Basis*, 6(1), 81-94.
- Zulfiqar Ahmad. (2019). Differences between students' linguistic knowledge and text production ability: A case of the use of cohesion as a resource of texture in academic writing. *World Journal of English Language*, 9(2), 55-63.